

Harga gula kekal RM2.95 sekilogram

Kerajaan tidak benarkan sebarang kenaikan

24 Mei 2017 3:00 AM



HAMZAH ZAINUDIN melancarkan kempen #janganlebihlebih di Putrajaya, semalam. Turut hadir, Timbalan Menteri, Datuk Henry Sum Agong (kiri) dan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Jamil Salleh (kanan). UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN

PUTRAJAYA 23 Mei – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) tidak akan membenarkan sebarang kenaikan harga gula pada masa ini walaupun terdapat permintaan dinaikkan 40 sen sekilogram.

Menterinya, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, kementerian telah menetapkan harga gula kekal RM2.95 sekilogram seperti yang diputuskan pada 1 Mac lalu.

Menurutnya, harga gula di pasaran dunia ketika ini menurun AS\$17 sen (RM0.73 sen) setiap paun, justeru kerajaan tidak akan membenarkan sebarang kenaikan bagi memberi keadilan kepada semua pihak.

"Pasal apa kita nak naikkan harga gula sedangkan dah naik sebanyak 11 sen (Mac lalu), itu mencukupi untuk syarikat-syarikat pengeluar gula menampung kerugian dan keuntungan mereka.

"Semasa diputuskan untuk naikkan harga gula, kita sudah mengambil kira pelbagai faktor termasuk masa depan, trend dan soal mata wang untuk semua pihak," katanya selepas melancarkan kempen #janganlebihlebih sempena menjelang bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri, di sini hari ini.

Beliau mengulas permintaan pengeluar gula, MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM) yang mahu kerajaan menaikkan lagi harga runcit gula sebanyak 40 sen sekilogram bagi mengimbangi kenaikan kos pengeluaran operasi berikutnya pasaran harga gula global yang tidak menentu.

Pada 1 Mac lalu, kerajaan menetapkan harga gula pasir putih bertapis dinaikkan 11 sen sekilogram, daripada RM2.84 kepada RM2.95 sekilogram.

Mengulas lanjut, Hamzah berkata, kenaikan sehingga 40 sen itu adalah melampau dan pihak pengeluar terbabit tidak sepatutnya melihat aspek kerugian pada satu-satu masa sebaliknya perlu menunggu untuk tempoh sekurang-kurangnya setahun.

Jelasnya, sekiranya mahu membandingkan harga gula sekarang dengan November dan Disember lalu, itu tidak adil kerana ketika itu harga pasaran gula dunia meningkat antara AS\$22 dan AS\$23 sen setiap paun.

"Saya telah berjumpa dengan peringkat tertinggi syarikat pengeluar gula dan maklumkan yang tidak akan ada kenaikan harga gula.

"Benar apabila berniaga kita mahu menentukan keuntungan, tetapi jangan lebih-lebih, cukup-cukuplah, untung setakat mampu bayar gaji dan ada keuntungan untuk syarikat, itu sudah cukup," katanya.